



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 30 RABU 3 NOVEMBER, 1965. 1385 رايو 10 رجب

PERCHUMA

4 Orang Hilang Di-Laut Pulang Dengan Selamat

PEKAN MUARA. — Empat orang di-beritakan telah tidak pulang ka-rumah dari memancing ikan dekat laut Muara sejak pagi hari Ahad yang lalu telah selamat pulang ka-rumah masing2 pada tengah hari, hari lthnin lepas.

Saperti biasa apabila mereka keluar untuk memancing, mereka pulang tidak lewat dari pukul 4.00 petang, tetapi minggu lepas mereka telah terlewat dalam jangka satu hari.

Berita kelambatan mereka itu pulang ka-rumah masing2 telah di-beritahu kepada pehak Pulis dan gerakan menchari sa-chara kilat telah di-lancarkan.

Dalam gerakan menchari itu, sa-buah helikopter tentera telah di-hantar ka-kawasan Pilong2an yang mereka di-perchayai menuju ka-pulau itu sa-lepas bertolak dari Muara dalam sa-buah moto sangkut pada awal pagi Ahad itu.

Sa-buah Kapal Kerajaan telah di-
(Lihat Muka 8)



Pasokan Istana Darul Hana, di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berjaya menjadi Johan dalam Perlawanan Tarek Kalat yang telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan semasa Baginda mengambil bahagian dalam perlawanan tarek kalat itu.

Perlawanan Tarek Kalat

Pasokan Istana Menang

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Istana Darul Hana, di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berjaya memenangi gelaran Johan dalam Perlawanan Tarek Kalat (Tarek Tali) yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 30 Oktober, 1965.

Perlawanan Tarek Kalat itu di-adakan sa-bagai salah satu dari achara sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Brunei dan Muara pada tahun ini dan telah di-saksikan oleh ramai pembesar2 negara serta orang ramai.

Maka dengan kemenangan-nya itu, dapat-lah di-katakan bahawa Pasokan Istana Darul Hana yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, adalah Pasokan Tarek Kalat yang kuat sekali di-Negeri Brunei pada tahun ini.

Sa - bagai membuktikan - nya Pasokan Istana Istana telah berjaya mendapat gelaran Johan dalam Perlawanan2 Tarek Kalat bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini di-Daerah Belait dan juga di-Daerah Temburong.

Tiga pasokan telah mengambil bahagian dalam Perlawanan Tarek Kalat di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu ia-itu:

Pasokan Istana Darul Hana, di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Pasokan Pehin2 di-ketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof.

Pasokan Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kerajaan di-ketuai oleh Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Keputusan Perlawanan Tarek Kalat itu ada-lah saperti di-bawah ini:

Johan — Pasokan Istana Darul Hana.

Naib Johan — Pasokan Pehin2.

Pemenang Ketiga — Pasokan Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kerajaan.

Yang Mulia Datin Hajjah Salmah, ia-itu Isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menyampaikan hadiah2 kepada semua peserta2 sa-baik sahaja tamat Perlawanan Tarek Kalat itu.

Persidangan M.M. Daerah Brunei - Muara

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 30 Oktober, 1965 telah meluluskan 2 usul dan mengesahkan satu usul yang telah di-kemukakan dalam persidangan-nya pada 28 September yang lalu.

Terlebih dahulu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, sa-orang ahli baru bagi kawasan Pekan Brunei telah mengangkat sumpah.

Usul yang pertama yang di-luluskan, ia-itu di-kemukakan oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Sunggoh, Wakil Kawasan Pintu Malim berbunyi bahawa Majlis itu hendak-lah menasehatkan Kerajaan bagi membangunkan sa-buah rumah tumpangan perchuma di-Bandar Brunei bagi faedah dan kemudahan tempat tinggal bermalam untuk Penghulu2 atau Ketua2 Kampung.

Satu lagi usul yang di-luluskan itu, di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Jailani bin Abdul Rahim, Wakil Kawasan

Sengkuring menasehatkan Kerajaan supaya Kerajaan membanyakkan Pegawai2 Luar Pertanian menyebarkan pengetahuan2 ka-Kampung2 dalam bidang pertanian bagi menambahkan kemajuan di-negeri ini.

Usul oleh Yang Mulia Awang Ali bin Ahmad, Wakil Kawasan Muara yang telah di-kemukakan dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara pada 28 September, 1965 dan di-sahkan pada pagi hari Sabtu yang lalu berbunyi bahawa Majlis Mashuarat itu menasehatkan Kerajaan supaya Kerajaan menyediakan tanah untuk Kampung Ayer, Muara sekab Kawasan Muara pada masa ini ada-lah termasuk di-dalam Ranchangan Kerajaan bagi membena pelabohan.

Kewajipan Majlis Mashuarat Mukim Ia-lah Memperbaiki Keadaan Tiap² Kampong-Kata Awang Johari

KILANAS. — Tujuan kerajaan menubuhkan Majlis Mashuarat Mukim di-seluruh Negeri Brunei, ia-lah untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup serta menjaga keamanan, keselamatan dan merapatkan perhubungan di-antara orang ramai dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan. Demikian kata Penu-long Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak sa-belum beliau merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Kilanas di-Dewan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, baru2 ini.

Dalam ucapan-nya itu Awang Johari menerangkan, 'Kewajipan Mukim Council ini pula, ia-lah memperbaiki keadaan dalam tiap2 kampong menghadapkan sa-barang chadangan yang berpatutan yang mendatangkan faedah serta kebaikan kampong.

Menjaga dan mengawal serta membantu Kerajaan bagi mengekalkan keamanan dalam kampong, menggalakkan dan merapatkan perhubungan dan persaudaraan di-antara orang2 kampong dengan Kerajaan, berunding atau bermufakat atas segala urusan atau kerja2 seperti mengadakan sambutan perayaan yang mendatangkan munafa'at serta mendatangkan kebaikan, kebahagiaan, keamanan dan kema'amoran penduduk2 dalam kampong.

MERAPATKAN PERSAUDARAAN

Merapatkan persaudaraan di-antara puak atau kaum2 seperti sama-ada keramaian Puak Melayu, Pengiran2, Tutong, Kedayan, Belait, Dusun, China, Iban dan lain2 yang sama tinggal dalam kampong dan juga, membantu dan bekerja sama dengan Kerajaan dalam semua lapangan yang mendatangkan kema'amoran dan kebahagiaan ra'ayat dan penduduk2 dalam tiap2 mukim di-negeri ini'.

Selanjut-nya Awang Johari berkata.

"Pengiran2, Awang2 dan para hadhirin yang di-hormati sekalian, bahawa sa-bagaimana yang kita sama2 ma'alom penduduk2 negeri kita ini ada-lah terdiri dari berbagai2 kaum sa-bagaimana yang baru saya sebutkan tadi yang mana saya yakin bahawa perasaan dan semangat di-hati masing2 itu ada-lah sangat2 ingin hendak menchipta satu perpaduan yang irat dan tegoh, ia-itu hendak menjadikan perasaan yang sama, semangat yang sama sebagai satu bangsa dan satu negara untuk menuju ka-arrah kemajuan dengan aman damai.

Maka dengan niat hati yang baik ini Insha Allah akan boleh terchapai dengan jalan kita



AWANG JOHARI BIN ABDUL RAZAK

menumpukan ta'at setia kita yang penoh yang tidak berbelah bahagi yang samata-mata kepada Negeri ini dan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, dan sentiasa berusaha dengan sabulot tenaga untuk menchari jalan dan ikhtiar bagi mencapai maksud chita2 itu dengan terus — menerus, maka dalam keadaan pada masa ini atau suasana pada masa ini, maka wajib-lah bagi kita semua ra'ayat di-Negeri ini memelihara perpaduan kita di-antara satu puak dengan satu puak di-antara satu kaum dengan satu kaum supaya dengan jalan ini-lah keamanan, keselamatan, kesejahteraan akan dapat terlaksana dengan sebaik2 nya.

KEMAJUAN NEGARA

Kemajuan sa-buah Negara dalam menyesuaikan diri-nya dengan keadaan2 perubahan dan aliran zaman pada masa ini bukan hanya samata-mata tergantung kepada banyak ra'ayat dan penduduk yang mempunyai pelajaran, tetapi ada lah juga tergantung kepada bijak pandai pelajar2 sendiri untuk mengenali kewajipan diri masing2 terhadap negara dan bangsa-nya yang dikehendaki oleh masyarakat mengikut pada gerakan alunan langkah kemajuan dunia pada masa ini.

Dalam setiap gulongan peringkat dan susunan masyarakat di-negeri ini, masing2 hendak-lah

mengenal dan tahu akan kewajipan-nya sendiri, maka dengan ada nya chita2 yang mulia bagi kebahagiaan dan kesentosaan bangsa dan negara itu, Insha Allah akan dapat terchapai jika di-susuli dengan usaha dan amalan yang sewajar-nya dengan kehendak zaman pada masa ini.

Sungguh pun negeri kita ini baru saja melangkah dengan munchol-nya menubuhkan Mukim Council yang bersejarah di-tiap2 Mukim seluruh negeri kita ini, maka saya yakin bahawa usaha2 dan tenaga kebajikan itu akan terchapai sedikit demi sedikit yang akan menghasilkan perkara2 yang maseh banyak bagi mencapai hasrat chita2 ra'ayat dan seluruh masyarakat umom-nya.

Maka untuk memenohi kehendak2 dan tujuan2 seruan ini yang mana mengandungi tujuan2 yang amat besar dan amat tinggi itu tidak-lah memadai dengan jeritan2 dalam Majlis sahaja, melainkan untuk menjalankan dengan tujuan yang suchi itu hendak-lah kita bersama2 menjaga dan menjalankan dengan bersungguh2 hati akan hal beberapa perkara yang besar dan sangat2 penting yang akan menuju ka-arrah kemajuan dan pembangunan tiap2 sa-buah Negara itu.

KESELAMATAN KERAJAAN

Hendak-lah kita bersedia berhadapan dengan segala perhubungan dengan mempunyai semangat dan berjiwa jerneh akan bijak dan mempunyai fikiran yang jujur dan membena yang semua ini akan mengatasi segala kesulitan2 dan menjamin keselamatan kerajaan dan bahtera

hidup kita sa-hari2 dan keselamatan dunia dan akhirat dan ketenteraman Negara umom-nya dengan mematohi segala peraturan Undang2 Negeri yang tidak terpengaruh oleh anasir2 dari orang2 yang tidak bertanggung jawab.

Para hadziran yang di-hormati sekalian, bahawa kita ada-lah mengutok segala bentuk kekerasan dan kekechauan sama ada sasama kita, dan mahu pun kekuatan sa-sabuah negeri itu tidak akan mendapat keuntongan, malah hanya akan memecah belahkan dan meruntuhkan malapetaka sa-sabuah negara itu yang merugikan dan penderitaan ra'ayat jelata seluruh-nya selain daripada diri bersifat lemah lambat yang akan dapat menawan serta menarek hati menyeru kepada berbaik2 untuk mencapai kebahagiaan yang mana kita akan nikmati terus menerus.

HIDUP-LAH SEMANGAT

Dari itu saya berseru hidupkan-lah semangat dan gerakkanlah tenaga dengan berpandukan ayat suchi Al-Qua'ran yang bermaksud bahawa Allah Ta'ala tidak mengubah nasib dan keadaan sa-orang atau sa-suatu kaum itu melainkan sa-saorang atau sa-suatu kaum itu sendiri mengubah nasib-nya. Maka dengan keinsafan demikian segala nikmat yang kita kerjakan akan terchapai.

Buat penutup ucapan saya ini mari-lah kita berdo'a semuga Mukim Council ini akan menjadi batu asas bagi kebahagiaan dan kema'amoran perdampungan yang rapat antara bangsa di-mukim ini.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi penyayang saya rasmikanlah pembukaan Mukim Council Kilanas ini."

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 November hingga ka-hari Selasa, 9 November, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
	3	12-10	3-28	6-07	7-22	4-33	4-48	6-05
	4	12-10	3-28	6-07	7-22	4-33	4-48	6-05
	5	12-10	3-28	6-07	7-22	4-33	4-48	6-05
	6	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	7	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	8	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06
	9	12-10	3-28	6-07	7-22	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Y. B. AWANG HAJI HALUS BERKATA BAHAWA SEGALA KESULITAN PENDUDOK2 KAMPONG AKAN DI-RUNDINGKAN DI-DALAM MAJLIS MASHUARAT MUKIM SA-BELUM

KILANAS. — Pengerusi Majlis Mashuarat Mukim Kilanas, Yang Berhormat Awang Haji Halus berkata di-Majlis Pembukaan Rasmi Oktober, 1965 bahawa tujuan Kerajaan membentok badan bagi melaksanakan Mashuarat Mukim tersebut ialah "semata2 untuk merundingkan perkara2 kebajikan ra'ayat di-kawasan ini".

Segala kesulitan pendudok2 kampung akan di-rundingkan dahulu di-dalam majlis itu sebelum perkara itu di-sokong untuk di-kemukakan kepada Kerajaan bagi mengambil tindakan2 yang sawajar-nya, kata beliau.

Dalam ucapan Yang Berhormat Awang Haji Halus di-majlis tersebut beliau telah mengucapkan terima kasih atas kesudian Penulong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak yang telah datang untuk merasmikan pembukaan majlis itu.

Selanjut-nya beliau berkata, "Majlis Mukim ini ada-lah diwakili masing2 oleh pendudok tiap2 kampung, mithal-nya Kampung Mediwa di-wakili oleh dua orang pendudok kampung itu dan begitu juga kampung2 lain di-dalam kawasan Kilanas ini.

CHADANGAN

Dengan hal yang demikian, pendudok2 bagi kampung itu boleh-lah menhadangkan perkara2 yang membena melalui wakil2 mereka sendiri untuk di-binchangkan di-dalam mashuarat mukim ini.

Saya ada-lah mempunyai kepercayaan yang penoh bahawa Majlis Mashuarat Mukim Kilanas ini akan dapat menjalankan tugas2-nya untuk kebaikan dan meninggikan taraf hidup pendudok2 di-kawasan sini. Tetapi, ada-lah di-ingatkan kepada semua pendudok2 kampung yang berkenaan, ia-itu badan ini tidak akan dapat melaksanakan tugas2-nya dengan lancar kalau mereka tidak memberikan kerjasama yang sa-penoh-nya".

Ketika mengakhiri ucapan beliau, Yang Berhormat Awang Haji Halus telah menyeru kepada semua ahli2 yang telah di-pilih mewakili kampung masing2 agar bekerjasama sa-penoh-nya supaya sesuatu yang baik lagi membena itu akan dapat mereka pikul sa-hingga ka-sa'at kejayaan-nya.

Setia Usaha Majlis Mashuarat Mukim Kilanas, Chegu Md. Hassan bin Sunggoh berkata di-majlis pembukaan rasmi Majlis Mashuarat Mukim Kilanas pada hari tersebut bahawa beliau percaya dengan terbentuk-nya Majlis Mashuarat Mukim itu, sa-moga-nya akan mendatangkan penghasilan kepada pendudok2 kampung yang termasuk di-dalam Mukim Kilanas itu.

Chegu Hassan menegaskan di-

kampung, demi untuk kebaikan ramai.

Sa-balek-nya pula, Ahli2 Majlis Mashuarat Mukim Kila-

majlis itu "sa-bagaimana lantekan pehak Kerajaan kepada kami, Ahli2 Mashuarat Mukim ini, ada-lah sangat berat, terutama sa-kali bagi diri saya sa-bagai Setia Usaha, terpaksa-lah menanggung dua tanggungan, ia-itu tanggungan dalam sekolah dengan di-kampung. Tetapi, oleh sebab pehak Kerajaan minta kerjasama, maka terpaksa-lah kami dengan sukarela menerima lantekan2 itu kerana kami fikirkan ada-lah untuk mendatangkan kebaikan kepada pendudok2 kampung di-dalam Mukim ini.

Dari itu, atas harapan pehak Kerajaan kepada kami Ahli2 Mashuarat Mukim ini, sa-balek-nya pula kami berharap kepada pehak yang berkenaan, apabila kami menghadapkan sa-suatu usul dari kampung yang kami terima dan kami fikirkan patut di-hadapkan nanti, sa-moga-nya akan mendapat hasil serta kejayaan2 yang memuaskan — sa-bagaimana pada masa ini pehak Kerajaan telah memberi peluang sa-luas2-nya berkenaan hal ehwal serta kesulitan2 yang telah di-alami di-kampung masing2".

Beliau telah menyeru kepada pendudok2 kampung yang termasuk di-dalam Kawasan Mukim Kilanas itu supaya mereka sila-lah mengusulkan atau menghadapkan kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Mukim itu kesulitan2 yang telah di-alami di-dalam

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Membentok Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya

BANDAR BRUNEI. — Dewan Bahasa & Pustaka, Brunei telah membentok Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya untuk memberi peluang kepada peminat2 bahasa dan budaya mengambil bahagian chergas dalam mengusahakan, memperkaya dan mengembangkan bahasa dan budaya di-negeri ini.

Badan ini akan menjalankan usaha2 untuk menjayakan tujuan dasar Dewan Bahasa & Pustaka, Brunei seperti yang di-sebutkan dalam Surat Keliling Jabatan Setiausaha Kerajaan No. 36/1962 bab 3.

SASARAN DAN TUJUAN2:

Berusaha dan berikhtiar untuk memperkembang dan meninggikan bahasa Melayu;

Mensesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah dijadikan Bahasa Rasmi Negeri ini mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan sabagaimana yang di-persharatkan oleh bab 82 (I) dari Perlembagaan; dan

Menggalakkan orang2 yang berkebolehan dalam mempelajari bahasa Melayu (Bahasa Rasmi).

BORANG MASOK MENJADI AHLI

Peminat bahasa dan budaya yang ingin menjadi ahli badan ini ada-lah di-persilakan datang atau berhubung dengan Pengerusi Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Dewan Bahasa & Pustaka, Brunei untuk mendapatkan borang masok menjadi ahli dan keterangan2 lanjut mengenai Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya ini.

Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei telah meng-hadiahkan chenderamata sa-bagai kenang2an kepada Pengantin Diraja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-Istana Darul Hana pada 26 Oktober, 1965. Inj-lah chenderamata yang di-hadiahkan itu kepada Pengantin Diraja.



nas itu, tegas Chegu Hassan Sunggoh, bukan-lah memberi keputusan. Mereka hanya sa-bagai "tali untuk menyambungkan kepada pehak yang berkenaan, sama-ada usul itu berjaya atau tidak itu, terpulung-lah kepada pehak yang berkenaan bagi memikirkannya".

Ketika berucap berkenaan dengan Balai Raya, Chegu Hassan Sunggoh berkata bahawa Ahli2 Majlis Mashuarat Mukim Kilanas itu sedikit dukachita kerana di-dalam mukim itu belum lagi di-dirikan Balai Raya, bukan saja di-Mukim itu, setahu-nya, di-Daerah Brunei pun belum lagi ada Balai Raya.

Oleh itu, beliau berharap sabagaimana Balai2 Raya yang telah di-bangunkan di-Daerah2 Belait dan Tutong, begitu-lah

juga nanti, supaya dapat di-dirikan Balai Raya di-Daerah Brunei, khas-nya di-Mukim Kilanas itu, kerana banyak kesenangan-nya dan kebaikan.

Jika di-dirikan Balai Raya bukan saja di-gunakan bagi Mashuarat Majlis Mashuarat Mukim, akan tetapi ada-lah dapat di-gunakan oleh pendudok2 kampung serta juga oleh Ketua2 Kampung untuk merundingkan perkara2 yang bersangkut paut dengan kampung masing2.

Pendaftaran Persekutuan Persatuan2 Peladang Di-Luluskan

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara, Brunei telah di-luluskan oleh Pendaftar Persekutuan2 Negeri Brunei.

Persatuan2 Peladang Kampung yang menjadi Ahli Persekutuan Persatuan2 Peladang tersebut ada-lah seperti berikut:

1. Persatuan Peladang Kampung Kiudang, Tutong.
2. Persatuan Peladang Kampung Kupang, Tutong.
3. Persatuan Peladang Kampung Lamunin, Tutong.
4. Persatuan Peladang Kampung Ukong, Tutong.
5. Persatuan Peladang Kampung Rambai, Tutong.
6. Persatuan Peladang Kampung Panchong, Tutong.
7. Persatuan Peladang Kampung Masin, Brunei.
8. Persatuan Peladang Kampung Junjongan, Brunei.
9. Persatuan Peladang Kampung Pengkalan Batu, Brunei.
10. Persatuan Peladang Kampung Bukok, Temburong.
11. Persatuan Peladang Kampung Batu Apoi, Temburong.
12. Persatuan Peladang Kampung Luagan, Batu Apoi, Temburong.
13. Persatuan Peladang Kampung Labu Estate, Temburong.

Tugas Raayat Dalam Mendokong Kedaulatan Bahasa Rasmi Negara

(Oleh Awang Ibrahim Mohd. Said)

Melalui ruangan ini saya telah menjelaskan peranan dan tugas2 yang di-jalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan yang menetapkan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Dalam penjelasan yang ringkas itu saya telah menjelaskan dasar2 dari tugas DBP yang terdiri dari lima prinsip sa-bagai tujuan dari perjalanan DBP ini.

Kira-nya jelas pada umum, bahawa meskipun DBP merupakan suatu Jabatan Kerajaan, namun tugas dan kerja2 yang di-jalankan oleh DBP adalah merupakan suatu tugas sechara langsung yang harus mendapat perhatian dari ra'ayat umum, jika sekira-nya mereka benar2 ingin untuk menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara yang tunggal.

Sekarang, dalam menyentoh soal ini, tugas dan kerja DBP, harus mendapat dokongan yang berupa timbal-balek dari ra'ayat yang chinta kepada bahasa-nya.

Kerana akan mustahil-lah DBP akan dapat menyempurnakan tugas2 yang di-pertanggungjawabkan Kerajaan kepada-nya tanpa dokongan yang bulat dan jujur dari masyarakat seluruh-nya.

Pada tanggal 29 September, 1965 yang lalu, bersempena dengan hari ulang-tahun ka-enam bagi Perlembagaan Brunei yang telah di-ishtiharkan pada tahun 1959 yang lalu, suatu upacara meletakkan batu asas Bangunan bagi DBP telah di-sempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Pada kita seluruh-nya, megah-nya bangunan baru itu bukan-lah suatu soal utama; tetapi isi dan tujuan dari bangunan di-dirikan oleh Kerajaan ada-lah jelas, bahawa azam dan maksud Kerajaan untuk menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi itu bukan suatu perkara yang kechil atau tidak penting erti-nya.

Duli Yang Maha Mulia sendiri dalam titah ucapan baginda telah menjelaskan dasar dan maksud Kerajaan baginda dalam soal2 menjadikan Bahasa Melayu

sa-bagai bahasa rasmi negara ada-lah untuk mengusahakan perpaduan jiwa ra'ayat, menggalakkan kerjasama dengan jalan hubungan bahasa, dan kerana itu-lah Kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjayakan dan menyalorkan maksud2 itu.

Bagi kita seluruh-nya maksud Kerajaan yang demikian murni-nya harus-lah kita dokong sapenoh-nya dengan jujur dan sunggoh2.

Kerana kalau kita tinjau balek kebelakang, bertahun2 lalu, memang ada suara2 dan kesedaran

Kerajaan, dan telah telaksana menjadi kenyataan; hanya ter-pulang kepada kita sendiri sa-bagai ra'ayat dan warga negara untuk tampil menjiwai dan memupok hingga ia-hidup dengan subur dan megah-nya.

Dan alangkah sia2-nya nanti chita2 murni Kerajaan itu, jika kita sa-bagai ra'ayat yang dulu-nya berteriak2 untuk menempatkan kedudukan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang sejajar dengan kedudukan bahasa lain itu kini telah mengabaikan-nya sa-telah kedudukan Bahasa Melayu mula berada di-ambang kedaulat-

Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara, ada-lah suatu sikap patut di-kesalkan sekali oleh sa-tiap ra'ayat yang chinta pada negeri ini.

Kedegilan sa-tengah2 orang yang sengahaja menulikan telinga-nya sa-hingga tidak mahu langsung menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dalam pekerjaan sa-hari2 ada-lah merupakan suatu gejala penyakit yang tidak sehat dalam perkembangan masa depan kita.

Hal ini nanti mau tidak mau akan merupakan duri dalam daging bagi perkembangan dan penggunaan Bahasa Melayu di-negeri ini.

Yang Amat Berohrmat Menteri Besar dalam ucapan beliau pada sa'at upacara meletakkan batu asas 29 September itu antara lain



dari kalangan kita sendiri sa-bagai ra'ayat yang menyedari bahawa kita harus mempunyai satu bahasa rasmi yang tunggal sa-bagai jiwa dari bangsa dan tanah ayer kita. Bahasa rasmi itu ada-lah Bahasa Melayu.

Sekarang chita2 ra'ayat itu telah mendapat perhatian dari

an-nya sa-telah berabad2 sinar-nya tenggelam oleh bahasa asing yang menjajah kedudukan bahasa itu.

Keinsafan, kesedaran dan adanya rasa tanggung-jawab bagi sa-tiap orang daripada ra'ayat adalah merupakan suatu tenaga besar yang membimbing negara kita untuk menuju matalamat kejayaan yang sempurna.

Bangsa Melayu sendiri harus memberikan ketegasan dalam usaha2 memperkembangkan dan meninggikan penggunaan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Sikap pura2 dan tidak jujur dari warga negara yang bukan Melayu juga mesti-lah di-kikis dari sanubari mereka. Kerana bukan-lah suatu perkara yang mustahil, ada-nya kemungkinan petualang2 bahasa yang bersikap pepat di-luar tetapi ronching di-dalam.

Sikap2 yang berpura2 tidak tau pada dasar Kerajaan untuk melaksanakan sa-penoh-nya Bahasa

Kempen bagi menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi bagi kegunaan di-semua lapangan maseh lagi berjalan. Dalam gambar ini papan nama 'Gunakan-lah Bahasa Melayu' telah di-letakkan di-sabuah simpang Jalan.

telah menegaskan lagi chita2 dan dasar Kerajaan Brunei untuk memajukan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi supaya dapat di-amalkan dengan sempurna.

Beliau selanjut-nya menyeru agar kita semua bekerjasama mendokong chita2 Kerajaan untuk menggunakan Bahasa Melayu dengan sa-penoh-nya dalam segala lapangan pekerjaan kita.

Malah seruan itu di-tujukan pula oleh beliau kepada peminat2 dan penchita bahasa supaya dapat memberikan kerjasama yang erat kepada DBP ini untuk mengisi taman sastera tanah ayer dengan karya2 mereka.

(Di-sambong lagi pada keluaran 10 November, 1965)

Gunakan-lah

Bahasa

Melayu

Bahasa Kebangsaan Negara

India-Pakistan Tidak Terdapat Satu Tolak Ansor

oleh Hanafi Joffri

KAWASAN garis gencatan senjata sepanjang 1,500 batu antara India dan Pakistan, yang diawasi oleh 129 orang pemerhati tentera Pertubuhan Bangsa2 Bersatu, hampir2 berubah kedudukannya menjadi semula medan perjuangan pada minggu yang lalu, dan tanda2 juga tidak wujud, bahawa kedua2 belah pihak India dan Pakistan benar2 ingin mengelakkan meletus-nya api peperangan seperti yang pernah dialami tidak lama dulu.

Perubahan kedudukan India dan Pakistan yang di-katakan tidak ingin mengamalkan dasar bertolak ansor itu, dapat di-bayangkan dari kechaman2 yang di-lemparkan antara satu dengan lain, dari sejak sebelum dan sesudah-nya berlaku pertikaian wilayah Kashmir.

Selepas gencatan senjata, ketetapan Majlis Keselamatan itu di-chapai, tidak kurang pula kejadian2 yang menchaboh akan perjanjian itu, oleh kedua2 belah pihak India dan Pakistan sendiri. Dalam lain2 perkataan, masing2 mengorak langkah membuat serangan2 kecil di-kawasan garis perluchutan senjata, dengan tujuan untuk menduduki lebeh besar kawasan, sebelum sebarang perjanjian perdamaian yang mu'tamad di-chapai nanti konon-nya.

Baru2 ini dalam suasana yang agak tegang, India telah menu-doh Pakistan menghangatkan kedudukan di-kawasan garis gencatan senjata, dan sama sekali tidak menghormati perjanjian yang telah di-tetapkan oleh Majlis Keselamatan itu. Pakistan pula telah menudoh India, meng-umpolkan bala tentera-nya di-Kashmir, dan merancang pelan-charan serangan besaran2 ke atas Pakistan, sementara ulas-an2 yang di-terbitkan dari New Delhi nampak-nya menambahkan kemarahan kapada tuduhan2 Pakistan itu.

Menteri Pelajaran India M.C. Chagla menda'wa bahawa garis gencatan senjata di-Kashmir yang lama sudah pun lenyap dari kenyataan, dan satu garis yang baru mesti di-rangka untuk menchegeh penyusupan lanjut oleh pihak Pakistan.

Bagaimana pun satu lagi perkara yang membahayakan telah di-datangkan oleh kedua2 ibu negara India dan Pakistan. Menteri India Lal Bahadur Shastri dalam satu ucapan-nya kapada 70,000 orang bangsa Sikh telah menjamin, bahawa pada kali ini, syarat2 untuk mendapatkan perdamaian mestilah terbit dari pihak India, dalam lain2 perkataan, bahawa kalau sesuatu penyelesaian perlu di-chapai, semua rundingan mestilah berdasarkan kapada hanya syarat

yang di-berikan oleh New Delhi. Sementara itu di-Rawalpindi pula, Menteri Luar Pakistan Zulfikar Ali Bhutto telah memberikan jawapan-nya, dengan satu satu chara sahaja apabila dia mengistiharkan bahawa China Kominis dan Pakistan ada-lah mangsa kapada pencherubohan India.

Di-sini dapat-lah di-jelaskan, yang sikap bertolak ansor sama sekali tidak ada, dan ini menjadikan sulit untuk menyengatkan pertikaian Kashmir itu. Jaminan yang di-berikan oleh kedua2 orang pemimpin itu tentunya tidak memberikan perang-sang atau dorongan kapada sesiapa jua yang berharap untuk menjadi orang tengah dalam persengketaan antara kedua2 negara itu.

Setelah Zulfikar Ali Bhutto menyentoh tentang anchaman yang di-hadapi oleh negeri-nya dan China Kominis, maka India juga tidak kurang memberikan tuduhan2 hebat melimpasi kawasan perbatasan Himalaya masok ka-China.

Kerajaan New Delhi menyatakan, sepasokan tentera China telah menyeberangi masok sempadan Sikkim minggu lepas, dalam perchubuan-nya yang gagal, untuk mengepong sekumpulan askar India yang sedang bertahan di-kawasan itu. Akan perchubuan itu, tembak menembak juga di-khabarkan berlaku.

Sementara pihak Peking pula memberikan amaran keras kapada New Delhi kerana berulang kali mencheruboh kawasan perbatasan yang di-persengketaan itu, dan ini mesti di-hentikan atau India menghadapi akibat yang membahayakan.

Kejadian2 seperti itu nyata membingungkan memandang kapada satu laporan dari Bangsa2 Bersatu, bahawa gencatan senjata yang berusia hampir2 sabulan itu, pada keseluruhannya

berjalan dengan baik-nya. Setengah2 kalangan menyatakan, meskipun Pertubuhan Bangsa2 Bersatu nampak-nya sedikit sulit menjalankan jentera-nya untuk memberikan kesan kapada ketetapan-nya itu, namun ia-nya tetap belum lagi terdaya untuk membendong masalaah utama ia-itu Kashmir.

Di-Karachi, sebuah akhbar Pakistan pernah menchatetkan daya usaha Pertubuhan Bangsa2 Bersatu itu di-jalankan agak sedikit berat dan menudoh-nya memainkan2 bara api yang sedang bernyala.

Walaupun bagaimana pun terdapat beberapa pertanyaan, sama ada Badan Sedunia itu sepatut-nya di-salahkan atau sebaliknya, kerana India tidak lama dulu menafikan bahawa soal Kashmir dapat di-rundingkan. Apatah lagi Lal Bahadur Shastri dalam ucapan-nya kerana menyambut hari ulang tahun-nya ke-61 telah menjelaskan bahawa dia menjangka empat kuasa besar menyetujui pihak India. Shastri berkata, jika

mereka tidak menyetujui kapada syarat2 India, maka kerajaan India akan menyusun semula dasar2-nya.

Dengan ini, maka baru2 ini India telah menghantarkan perutusan-nya ka-Paris, Prague, Belgrade dan Washington, ia-itu di-antara ibu-negara2 yang di-tetapkan.

Sementara Zulfikar Ali Bhutto dari Pakistan pula membuat perutusan yang sama ka-Paris dan New York. Oleh yang demikian Pakistan telah melaksanakan satu dari dasar-nya dengan jalan memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia, yang di-katakan chondong kapada India.

Andai kata, sebagaimana yang terkandung dalam kenyataan yang di-terbitkan oleh India dan Pakistan, jika terdapat mana2 pihak yang menyeberangi mana2 pihak, maka satu di-antara dua buah negara India dan Pakistan itu, akan menyusun semula dasar-nya, seperti Pakistan dengan Malaysia baru2 ini.

Hingga berapa lama suasana seperti itu berjalan, hingga berapa banyak buah negara yang akan terputus hubungan-nya dengan India atau Pakistan, bergantung-lah kapada penyusunan semula dasar kedua2 negara itu terhadap negara2 yang tidak sechuchok dengan dasar yang di-amalkan nya nanti.



Pengantin2 Diraja Menerima Chenderamata



BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman telah menerima chenderamata di-Istana Darul Hana pada petang 26 Oktober, 1965.

Chenderamata tersebut adalah persembahan dari Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kanan Kerajaan sa-bagai memper-ingati perkahwinan di-rajanya tersebut.

Chenderamata itu telah disampaikan oleh Awang Zakaria bin Haji Sulaiman dan isteri beliau Dayang Jusnani binti Lawie.

* Gambar2 atas dan kiri; Gambar2 ini di-ambil di-majlis menyampaikan chenderamata tersebut kapada Pengantin Diraja di-Istana Darul Hana.

TAWARAN TAWARAN J. K. R. BRUNEI

1. Tawaran akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada Kontrektor2 kelas "C" keatas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 4.00 petang hari Ithnin 8 November, bagi:-

MENGCHAT SEKOLAH MELAYU DAN DUA BUAH RUMAH KELAS "F" DI-BATU MARANG, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah

boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataannya "MENGCHAT SEKOLAH MELAYU DAN DUA BUAH RUMAH KELAS "F" DI-BATU MARANG, BRUNEI."

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (sa-ratus ringgit sahaja) chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas kepu-

tusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menulak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang ter-chetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontrektor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawarannya. Jika ini tidak boleh di-ada-

kan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga. 12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada kontrektor2 kelas "A" sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari, hari Thalatha 23hb, November, 1965 bagi:

MEMBINA DUA BUAH, 12-PINTU SA-BUAH, FLAT KELAS "F" DI-JALAN MELABAU, BANDAR BRUNEI.

2. Pelan2 dan Penentuan2 (specification) boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara Brunei semasa pejabat di-buka.

3. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-dapati dengan membayar wang chengkeram tawaran sebanyak \$500.00 (Lima ratus Ringgit sahaja).

4. Wang chengkeram akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-siarkan. Wang chengkeram bagi penawar2 yang berjaya akan hilang jika ia menulak kejayaan-nya itu.

5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ke-dalam sampol2 surat yang bertutup, dengan tidak mengenalkan nama penawar, di-atas sampol surat "Tawaran bagi MEMBINA DUA BUAH, 12-PINTU SA-BUAH, FLAT KELAS "F" DI-JALAN MELABAU, BANDAR BRUNEI", dan di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Tawaran2 yang di-buat lain daripada yang di-kehendaki akan di-tolak.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Pertunjukan Membajak Di-Tanah Jambu

TANAH JAMBU. — Satu pertunjukan membajak tanah dengan menggunakan jentera telah di-adakan oleh Pejabat Pertanian di-Kampung Tanah Jambu, Jalan Muara pada pagi 26 Oktober, 1965.

Pertunjukan itu ada-lah atas permintaan petani2 kampung tersebut yang berchita2 hendak memperbaiki chara mereka menjadikan tanah persawahan.

Di-pertunjukan tersebut, Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menyatakan bahawa jentera itu dari jenis Kubota ada-lah salah satu perkakas moden untuk memberi kemudahan kepada petani.

Pengiran Damit telah juga menerangkan bahawa kerajaan akan memberi bantuan berupa alat2 moden kepada kampung2 yang telah menubuhkan persatuan peladang2 yang bertujuan hendak meninggikan hasil pertanian.

Gambar2 ini di-ambil semasa di-adakan pertunjukan membajak tanah di-Kampung Tanah Jambu baru2 ini.



Kenyataan Jabatan Elektrik Negara

Di-ma'alomkan kepada orang ramai yang berkenan dengan tanah yang di-gunakan untuk perjalanan Elektrik 66V line dari Kuala Belait ka-Muara, supaya jangan menanam tanam-tanaman dibawah kawasan yang tersebut ia-itu 50 kaki dari tengah kawasan kiri dan kanan.

"Piling foundation" akan di-mulakan tidak berapa lama lagi.

Pemangku Jurutera Elektrik Negara, Brunei.



Perlawanan Bola Sepak Sekolah2 dan Maktab2

oleh Awang Md. Husain Zainal

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Sepak antara Sekolah2 dan Maktab2 atas anjuran Jabatan Pelajaran Brunei yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:-

BAHAGIAN BRUNEI III.

Pada 25 Oktober, 1965: telah di-adakan Perlawanan Peringkat Akhir Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) bertempat di-Padang Sekolah Melayu Pulau Baru2.

Jawatan2 Kosong

PEGAWAI PERGIGIAN

Pemohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Pegawai Pergigian dalam Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei. (3 jawatan kosong).

Kelayakan2: —

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 yang berikut:

- (i) L.D.S./D.D.S. (Singapura atau
- (ii) B.D.S. (Malaya) atau
- (iii) Sebarang degree, diploma atau lesen yang di-akui untuk membolehkan-nya di-daftarkan oleh Majlis Pelajaran Perubatan Awam, dan Pendaftaran di-United Kingdom.

Pengalaman:

Chalon2 di-kehendaki mempunyai pengalaman selama beberapa tahun. Pengalaman dalam bidang Perkhidmatan Gigi Sekolah adalah sangat berguna. Butir2 pekerjaan selepas mendapat ijazah hendak-lah di-nyatakan dalam permohonan.

Tugas2:

Tugas2 meliputi lawatan ka-Sekolah2, rumah sakit dan perkhidmatan klinik2 gigi mobile.

Gaji:

Dalam sukatan \$1020x40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman. Tempoh Perkhidmatan:

Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dll. boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 30 November, 1965.

Pasokan2 yang bermain ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Kasat berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru2.

Keputusan-nya Pasokan Pulau Baru2 menang dengan kemenangan gol = 4 — 0.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Pulau Baru2 menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III untuk memasuki ka-perlawanan peringkat Negeri.

Dalam Pasokan Kumpulan "B", Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri.

BAHAGIAN BRUNEI II.

Pada 25 Oktober, 1965: juga telah di-adakan Perlawanan sa-tengah akhir Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) bertempat di-padang Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas.

Pasokan2 yang bermain ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Benda-hara Sakam Bunut berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong.

Keputusan-nya Pasokan Sengkurong menang dengan kemenangan gol = 4 — 0.

Pada 27 Oktober, 1965: telah di-adakan Perlawanan Peringkat akhir Pasokan Kumpulan "B" (Murid Sedang) bertempat di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A.

Pasokan2 yang bermain ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Delima I berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong, keputusan-nya Pasokan Delima I menang dengan kemenangan gol = 4 — 0.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Delima I menjadi wakil Sekolah2 Melayu Brunei II memasuki ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

BAHAGIAN BRUNEI I.

Perlawanan di-Bahagian Sekolah2 dan Maktab2 di-Bandar Brunei ia-itu Brunei I, sa-chara Pukul Keliling (League) dan semua perlawanan bertempat di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A.

Pada 25 Oktober, 1965: dua perlawanan Pasokan Kumpulan "B" (Murid Sedang) di-jalankan serempak ia-itu:

- (a) Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai berlawanan dengan Pasokan Sekolah St. Andrew's. Keputusan-nya seri dengan gol = 1 — 1.
- (b) Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. berlawanan dengan pasokan Maktab S.O.A.S. Keputusan-nya seri dengan gol = 1 — 1.

Pada 26 Oktober, 1965: Tiga perlawanan Pasokan Kumpulan "A" (Murid kechil) di-jalankan serempak ia-itu:

- (a) Pasokan Maktab S.O.A.S. berlawanan dengan Pasokan

Sekolah Melayu Lela Menchanai. Keputusan-nya Pasokan Maktab S.O.A.S. menang dengan kemenangan gol = 1 — 0.

- (b) Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menang dengan kemenangan gol = 7 — 0.
- (c) Pasokan St. George's berlawanan dengan Pasokan St. Andrew's. Keputusan-nya Pasokan St. Andrew's menang dengan kemenangan gol = 9 — 0.

Pada 28 Oktober, 1965: Tiga perlawanan Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) di-jalankan serempak, ia-itu:

- (a) Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menang dengan kemenangan gol = 7 — 0.
- (b) Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai menang dengan kemenangan gol = 2 — 1.
- (c) Pasokan Maktab S.O.A.S. berlawanan dengan Pasokan St. George's, keputusan-nya Pasokan S.O.A.S. menang dengan kemenangan gol = 12 — 0.

Pada 31 Oktober, 1965: Tiga perlawanan Pasokan Kumpulan "A" (Murid Kechil) di-jalankan serempak, ia-itu:

- (a) Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun. Keputusan-nya Pasokan S.M. Pintu Malim menang dengan kemenangan gol = 8 — 0.
- (b) Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. berlawanan dengan Pasokan St. Andrew's. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. menang dengan kemenangan gol = 3 — 0.
- (c) Pasokan St. George's berlawanan dengan Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai. Keputusan-nya Pasokan S.M. Lela Menchanai menang dengan kemenangan gol = 4 — 1.

BAHAGIAN BOLA SEPAK KUMPULAN "C" (Perlawanan Peringkat Negeri)

Pada 27 Oktober, 1965: telah di-adakan Perlawanan sa-tengah akhir bertempat di-padang S.M. Muda Hashim antara Johan Belait, Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin berlawanan dengan Johan Tutong, Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim, keputusan-nya Pasok-

an Ahmad Tajuddin menang dengan kemenangan gol = 3 — 1.

ii) Pada 28 Oktober, 1965: telah di-adakan Perlawanan sa-tengah akhir bertempat di-padang Bangar antara Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. berlawanan dengan Johan Temburong, Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, keputusan-nya Pasokan S.M. Sultan Hasan, Bangar menang dengan kemenangan tendangan sudut = 5 — 3 dan gol seri 2 — 2.

iii) Pada 31 Oktober, 1965: Perlawanan akhir bertempat di-padang Kuala Belait antara Pasokan Johan Belait ia-itu Pasokan S.M.A.T. berlawanan dengan Johan Temburong, Pasokan Sultan Hasan. Keputusan-nya Pasokan S.M.A.T. menang dengan kemenangan gol = 2 — 1.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin menjadi Johan antara Sekolah2 Melayu Negeri Brunei dan memenangi Perisai Pengiran Kerma Indra Hj. Muhammad bin P. Piut, Naib Johan Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar dan memenangi Perisai Pg. Haji Abd. Rahman bin P. Hj. Abd. Rahim.

Jawatan2 Kosong DI-A.M.D.B.

Pemohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut, di-Perkhidmatan Bera-kas, Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei:-

(a) **TUKANG MASAK:** — 2 jawatan kosong (Tionghua).

KELAYAKAN2: Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebih dari 45 tahun dan mempunyai pengalaman menyediakan dan memasak makanan orang Eropa di-sebarang pusat2 memasak.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$180x4-200.

(b) **PELAYAN:** — 2 jawatan kosong.

KELAYAKAN2: Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun dan mesti-lah mempunyai kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

GAJI: Dalam sukatan gaji \$143x3-158-160-180.

Pemohonan2 yang mesti di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 15 November, 1965.


Sambutan Isra'
Dan Me'raj:

Peraduan Membacha Sajak

BANDAR BRUNEI — Satu pemilehan Peraduan Membacha Sajak Peringkat Daerah Brunei kerana Sambutan Isra' dan Me'raj anjoran Badan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei akan diadakan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada hari Juma'at 12 November, 1965 mulai jam 8.30 pagi.

Dari itu semua peserta2 yang mengambil bahagian bagi Daerah Brunei di-jemput hadir pada hari dan masa yang di-tetapkan. Peserta yang tidak dapat hadir di-majlis itu akan di-kira kalah.

Peraduan akhir akan diadakan pada hari Sabtu 20 November, 1965 di-tempat yang sama mulai jam 7.30 malam.



Lihat-lah bagaimana kuatnya Pehin2 dalam gambar ini menarek kalat di-temasha Perlawanan Tarek Kalat bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Duli Sultan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 30 Oktober, 1965. Dalam perlawanan itu, Pasokan Pehin2 di-ketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong telah mendapat gelaran Naib Johan.

4 ORANG HILANG DI-LAUT PULANG DENGAN SELAMAT

(Dari Muka 1)

perintah supaya menyertai gerakan menchari itu dalam bahagian kawasan perayeran antara Brunei dan Labuan.

Sa-pasokan pulis dan penduduk2 Kampong dari Muara telah juga menyertai kerja menchari itu dengan menggunakan beberapa buah motosangkut yang menchari di-kawasan2 pantai.

Ke-empat2 mereka itu telah selamat pulang ka-Muara dalam keadaan lusuh di-sebabkan bermalam di-laut dan terpaksa tidur dalam keadaan berhujaan dan ribut serta gelombang besar.

Ke-empat2 mereka itu ia-lah terdiri dari tiga orang guru di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan seorang juru teknik di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei.

Mereka itu ia-lah Che'gu Annuar Beyserigar, Che'gu Joseph Yong, Che'gu Frankie Ho dan Goh Han Ching.

Che'gu Annuar menceritakan bahawa di-sebabkan mereka terlewat pulang itu ia-lah kerana kerosakan injin yang mereka sendiri tidak terdaya hendak memperbaiki-nya.

"Kerana itu, kami terpaksa bermalam di-laut dan tidur di-selimuti hujan dan angin yang kencang serta gelombang yang besar", kata Che'gu Annuar.

Beliau menjelaskan: "Kami mendampar ka-sabua panchang pada pagi hari Ithnin dan panchang itu kami tidak tahu dalam kawasan mana dan di-panchang itu-lah kami menunggu rahim kasehan orang".

Che'gu Annuar menceritakan, pagi itu kami bertemu dengan sabuah moto bot nelayan dan kami melambai2kan kain untuk meminta tolong tetapi mereka chabut lan kerana mereka sangka kami lanun.

Tetapi, kata-nya, peluang kami selamat dari bahaya ternyata apabila sa-buah motobot nelayan yang lain menuju ka-tempat kami sa-telah kami beri isharat meminta tolong.

Mereka telah memberi pertolongan kepada kami dan kami telah pulang dengan selamat.

Che'gu Annuar juga mengucapkan terima kaseh kepada pehak2 yang berkenaan yang berusaha menchari mereka dan bagitu juga kepada nelayan yang telah memberi pertolongan kepada mereka.

PERTANDINGAN BINTANG RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan menyanyi untuk merebutkan gelaran Kejohanan Bintang Radio Brunei Tahun 1966 akan diadakan pada penghujung bulan Januari akan datang.

Sementara itu akan diadakan Pertandingan2 Kejohanan Daerah2 dalam bulan ini dan bulan hadapan.

Tarikh pertandingan peringkat daerah ada-lah seperti berikut:

PERINGKAT DAERAH

DAERAH TEMBURONG — 19 November.

DAERAH BRUNEI DAN MUARA — 26 November.

DAERAH BELAIT — 27 November.

DAERAH TUTONG — 3 Disember.

Sungguh pun pehak yang berkenaan telah menetapkan tarikh2 tersebut, akan tetapi sa-kira-nya terdapat sesuatu halangan yang tidak dapat di-elakkan, maka tarikh2 yang telah di-tentukan itu akan di-ubah dari satu

masa ka-satu masa yang lain pula.

Chalun2 lelaki mesti-lah berumur 17 tahun ka-atas. Umur chalun2 wanita ia-lah 14 tahun ka-atas.

Tiap2 chalun boleh-lah mengambil dua bahagian ia-itu asli dan langgam. Mereka mesti-lah memilih lagu2 yang telah di-tetapkan oleh Radio Brunei.

Chalun2 yang tidak hadir semasa di-jalankan pertandingan Kejohanan Sa-Negeri Brunei atau pemilehan akan di-kira sudah menarek diri masok bertanding.

Tarikh penutup menerima chalun2 ia-lah hari Khamis 4 November, 1965.

LAGU-LAGU

Lagu2 yang telah di-tetapkan untuk Pertandingan2 Bintang Radio Peringkat Daerah ada-lah seperti berikut:

LANGGAM WANITA: (a) Kau Selalu Di-hati Ku atau (b) Selamat Tinggal Bunga Ku.

ASLI WANITA: (a) Sang Bulan atau (b) Lambaian Bunga.

LANGGAM LELAKI: (a) Ingin Ku Kunjong atau (b) Terima-lah Seruan Ku.

ASLI LELAKI: (a) Makan Sireh atau (b) Sampai Hati.



Tarek.....Tarek.....Tarek..... demikianlah bunyi suara para penonton yang menyokong Pasokan Ketua2 Pejabat dan Pegawai2 Kerajaan yang telah mengambil bahagian dalam Perlawanan Tarek Kalat bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada petang hari Sabtu yang lalu di-Padang Besar, Bandar Brunei. Dalam gambar ini kelihatan menarek kalat dari hadapan ia-lah Awang Haji Ali Khan, Pengiran Hidup, Awang Hamidoon dan lain2-nya.

Satu majlis menyampaikan "Lencana2 Emas" kepada seramai 20 orang anggota2 Pasokan Anak Brownie, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei telah diadakan di-sekolah itu tidak berapa lama dahulu. Lencana2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pemimpin Kadet Maktab Perguruan Melayu Brunei, Dayang Zawiyah Othman. Gambar ramai ini diambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut.

